

14 JUL 2004

Abdullah-Azizan

JASA AZIZAN KEPADA MALAYSIA AMAT BESAR, KATA PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 14 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Tan Sri Azizan Zainul Abidin, yang meninggal dunia hari ini, adalah seorang tokoh yang banyak menabur jasa kepada negara terutamanya daripada segi sumbangannya kepada ekonomi Malaysia.

Sambil menyifatkan kematian pengerusi Petronas itu sebagai kehilangan besar kepada negara, Perdana Menteri berkata semasa hayatnya, Azizan adalah seorang individu yang gigih dan mempunyai kewibawaan yang cukup tinggi.

"Jasanya banyak sebenarnya kepada raja dan negara. Kalau diambil kira penglibatan beliau sebagai pengerusi Petronas dan sebelum itu sebagai pegawai tinggi (kerajaan), jasanya adalah sangat besar," katanya.

Abdullah mengulas kematian Azizan kepada pemberita ketika ditemui selepas menyertai solat jenazah di Masjid Putra di sini yang diimamkan oleh Imam Besar masjid berkenaan, Datuk Sheikh Ismail Mohamad.

Jenazah Azizan, 69, yang meninggal dunia di kediaman rasminya di Putrajaya pagi ini setelah mengadu sakit dada pada pukul 4.15 pagi, selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Taman Selatan di sini pada 5 petang.

Azizan, yang juga Pengerusi Malaysia Airlines dan Perbadanan Putrajaya, meninggalkan seorang balu, Puan Sri Noor Ainee Che Teh dan tiga orang anak -- Amir Hamzah, 37, Datin Norizan, 34, dan Ikhwan 25.

Abdullah berkata Allahyarham telah memberikan sumbangan besar dalam memajukan Petronas dan industri petroleum negara.

"Jadi, kita amat-amat menghargai jasa allahyarham yang begitu besar kepada negara dan ekonomi negara," kata Perdana Menteri, antara yang paling awal menziarahi jenazah Azizan di kediaman peribadi allahyarham di Bukit Segambut, Kuala Lumpur, pagi tadi.

Beliau meminta semua umat Islam mendoakan supaya Allah mencucuri rahmat ke atas roh allahyarham.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, turut menghadiri pengebumian allahyarham.

Dr Mahathir, dengan menahan sebak, hanya mengangguk ketika diajukan pertanyaan oleh pemberita sama ada beliau menganggap kematian allahyarham sebagai satu kehilangan besar kepada negara.

Terdahulu, lebih 1,000 jemaah menyertai solat jenazah di Masjid Putra, selepas jenazah itu dibawa dari Bukit Segambut pada 3 petang.

Mereka termasuk Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Datuk Azmi Khalid, Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdullah Mohd Zin, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Hassan Marican.

Ketika ditemui pemberita di tanah perkuburan, Menteri Pelajaran Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata beliau secara peribadi banyak belajar daripada sifat-sifat mulia yang dimiliki allahyarham.

"Saya telah banyak belajar daripadanya mengenai kejujuran, kesungguhan komitmen dan kasih sayang terhadap negara dan rakyat," katanya.

Azizan orang yang jujur dan berdedikasi dan menurut Hishammuddin lagi adalah contoh ikutan bagi semua warga Malaysia khasnya generasi akan datang.

"Saya harap kita akan dapat sampaikan sifat-sifat ini kepada generasi akan datang. Beliau adalah contoh ikutan kepada kita semua bagi kita belajar daripada kesungguhan, kejujuran, dan kesungguhannya untuk melihat anak bangsa berjaya dalam dunia yang cukup mencabar ini.

-- BERNAMA

MAM PR